

09/11/1997

Perutusan peribadi Dr M

ALKISAHNYA seronok juga teman baca sedikit nota yang ditulis oleh Dr Mahathir mengenai kenangan manisnya sewaktu menuntut di sebuah universiti di Singapura. Perdana Menteri, kumpulan kedua pelajar perubatan selepas perang di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura, menulis perutusan peribadi dalam buku cenderahati sempena ulang tahun ke-50 perjumpaan bekas pelajar kelas 1947 itu.

Perutusan peribadi itu menyentuh mengenai kegembiraan, keakraban dan mereka yang membawakan buku untuk pelajar wanita daripada peristiwa didera pelajar senior. Ia juga mengimbas kembali zaman Dr Mahathir sebagai pelajar dan sebagai kumpulan pelajar cemerlang yang dijangkakan lulus dengan mudah.

Beliau menulis:

"Majoriti pelajar termasuk saya tidak begitu pasti. Saya selalu merasakan doktor-doktor adalah manusia yang amat istimewa, golongan bijak yang dilihat mengetahui perkara-perkara yang di luar pemahaman manusia biasa. Bolehkah saya menjadi seorang daripada mereka?

"Bolehkah saya menjadi seorang daripada mereka, separa dewa, yang memakai kot putih berjalan di sepanjang koridor hospital dengan stetoskop tergantung di leher saya dan sekumpulan jururawat manis mengekori di belakang? Ia satu mimpi yang mustahil".

Seperti manusia biasa, Dr Mahathir juga mempunyai keraguan terhadap dirinya. Tetapi itu dulu. Kita tahu mimpinya bukanlah mustahil. Kita juga tahu, Dr Mahathir adalah doktor yang berkaliber. Lebih daripada itu, beliau adalah pemimpin yang berwibawa dan disegani. Beliau bukan sekadar mampu merawat pesakit, malah mengemudi negara ke arah kemajuan.

Teman juga yakin dan berdoa beliau akan merawat ekonomi negara yang sedikit sakit.

(END)